

# Budaya Adat Perpatih



## Adat istiadat dan masyarakat korporat Adat Perpatih

Amalan hidup masyarakat adat tanpa mengira sama ada berkaitan dengan sosial ekonomi atau politik, berlandaskan dua kod etika dasar, iaitu muafakat dan kerjasama (termasuk menyeraya dan bergotong-royong).

Adat mengaturkan bahawa sebelum menjalankan suatu aktiviti, keputusan tentangnya harus dicapai melalui perbincangan bersama dalam kalangan ahli atau anggota kelompok kekeluargaan yang berkenaan untuk yang diistilah sebagai *muafakat*. Perbuatan berkumpul untuk muafakat ini diistilah sebagai berkampung atau kerapatan

Dalam masyarakat Adat Perpatih, muafakat yang sentiasa mendahului sebarang kegiatan merupakan salah satu daripada ideal sosial kudus adat. Banyak perbilangan menyatakan betapa pentingnya muafakat itu. Antaranya ialah:

Dicari kata nan sebuah,  
Dicari benar nan seukur.

Bulat air dek pembentung,  
Bulat kata dek muafakat

Bulat air dek gopong,  
Bulat manusia dek muafakat.

Bulat baru digolekkan,  
Pipih baru dilayangkan.

Datar bak lantai papan,  
Licin bak lantai kulit

Terpaut makanan lantak,  
Terkurung makanan kunci,  
Penghulu beraja ke muafakat,  
Muafakat beraja kepada nan benar.

Ibu hukum muafakat,  
Ibu adat muafakat.



Satu lagi ideal sosial kudus Adat Perpatih ialah bekerjasama. Adat melalui perbilangan ini menekankan bahawa segala kegiatan hidup harus diusahakan dan dikerjakan secara kerjasama. Adat juga mengharuskan setiap ahli masyarakat mengambil bahagian dalam semua jenis aktiviti, tanpa pengecualian. Adat Perpatih telah menentukan jenis kerja yang patut dilakukan setiap ahlinya berdasarkan kebolehan dan kemampuan dengan memperhitungkan keadaan fizikal dan mental mereka. Adat berkata:

Nan buta penghembus lesung,  
Nan patah penunggu jemuran,  
Nan lumpuh penunggu rumah,  
Nan bingung disuruh-suruh,  
Nan bodoh disuruh arah,  
Nan cerdik teman berunding,  
Nan pekak mencucuh meriam,  
Nan berani kepala lawan,  
Nan pandai tempat berguru,  
Nan alim tempat bertanya,  
Nan kaya tempat bertinggang,  
Tinggi banir tempat bernaung.

Setiap orang berpotensi dan mempunyai tempat tempat dalam masyarakat . Orang cacat sekalipun tidak diketepikan. Ada cara mereka dapat memberi sumbangan.

# Budaya Adat Perpatih

## Adat istiadat dan ekonomi dan pengagihan sumber

Dalam masyarakat Adat Perpatih terdapat kesedaran yang amat mirip kepada fahaman kebendaan yang wajar bagi kehidupan, terutama bagi kewujudan individu dan kekeluargaan sehingga pemilikan benda itu menjadi ideologi dan moraliti. Kebendaan merupakan asas ketinggian martabat dan kehidupan yang bermaruah. Justeru itu, amat wajar setiap orang mencari dan mengumpul harta benda sebagai milik seperti ajaran adat.

Prinsip kebendaan ini ditanam erat dalam susunan masyarakat melalui sistem milik yang sesuai dengan prinsip keturunan nasab ibu:

Terbit pusaka kepada saka.  
Si lelaki menyandang pusaka,  
Si perempuan yang punya pusaka  
Orang semanda yang membela.

Mencari kekayaan dan mengumpul harta merupakan nilai utama dan kesan langsung daripada perjalanan sistem masyarakat itu sendiri. Usaha tersebut bukan sahaja didorong nilai tinggi terhadap benda (*julang bangsa dek tak beremas*) bahkan sebagai penjamin kepada kebahagiaan hidup berkeluarga, sekali gus menjadi punca pendapatan dengan menambah milik tanah.

Aktiviti ekonomi ini dilaksanakan dengan sikap bekerjasama antara ahli, bukan sahaja dalam kalangan sekeluarga, tetapi juga seruang, seperut, malahan sesuku. Untuk memastikan kelancaran dan mendapatkan kerjasama semua pihak, adat isitiadat yang berkait dengan perusahaan padi yang diistilah sebagai *pertahunan* itu dilaksanakan.

Puncak kejayaan pertahunan atau kegiatan ekonomi ini ialah mengadakan oleh perkahwinan. Dalam melaksanakan oleh perkahwinan ini, sekali lagi kesepaduan semua lapisan masyarakat direalisasikan.





# Budaya Adat Perpatih

## Adat istiadat dan syarak

Selain menjanjikan kestabilan dalam kalangan anggota masyarakatnya, adat juga menyepadukan nilai keduniaan dan akhirat. Pengimbangan antara dua alam ini, dunia dan akhirat, tersirat dalam kalimat: hidup dikandung adat; mati dikandung tanah.

Antara Adat Perpatih dengan agama Islam tidak berlaku pertentangan asasi. Malahan, prinsip dasar agama telah disepadukan dengan kod budaya. Adat Perpatih telah dijadikan salah satu daripada prinsip adat-adat tersebut yang dikenali sebagai adat nan sebenar adat. Prinsip yang digunakan untuk penyesuaian dan menyepadukan kedua-dua pegangan hidup ini ialah:

Ibu hukum muafakat.  
Ibu adat muafakat.

Adat Perpatih mempunyai ciri-ciri yang serasi dengan ajaran Islam. Setelah tercapai penyesuaian ia memberi keutamaan kepada syarak iaitu sesuatu yang bersifat hakiki. Adat Perpatih amat jelas dan tegas tentang perkara ini, seperti yang diaturkan oleh perbilangan:

Adat bersendi hukum,  
Hukum bersendi kitab Allah.  
Adat dipakai, syarak diturut,  
Syarak mengata, adat memakai,

Kesepaduan antara adat dan syarak ini menjadi kenyataan dalam pelaksanaan adat istiadat. Dalam adat istiadat, sama ada yang berbentuk politik, sosial atau ekonomi. Selain memimpin adat dan orang bijak, alim ulama menjadi elemen penting menjayakan upacara. Ketidakhadiran orang agama untuk membaca doa akan memincangkan adat istiadat berkenaan. Malahan di serambi rumah orang Adat Perpatih, ada ruang yang dikenali sebagai ruang agama. Di ruang agama ini terselanya orang-orang masjid atau surau.



# Adat Perpatih Hari Ini



## Adat Perpatih Hari Ini

Semenjak kedatangan barat, khususnya Inggeris, sistem budaya Melayu amnya dan Adat Perpatih khususnya, mula memperlihatkan proses kemerosotan. Penghakisannya berlaku tanpa sedar.

Dalam sekitar akhir abad ke-18 dan 19 anak-anak muda Negeri Sembilan, khususnya kaum lelaki yang mejadi tiang adat, mula keluar dari kampung dan merantau ke kawasan bandar untuk mendapatkan pendidikan dan pekerjaan. Oleh sebab mereka lebih lama berada di luar Negeri Sembilan, generasi muda ini tidak mendapat persosialisasian yang secukupnya tentang Adat Perpatih. Sebahagian daripada mereka ini apabila bersara, dilantik sebagai ketua adat. Dengan pengetahuan mereka yang agak lemah tentang keseluruhan sistem adat, mereka cuba menjalankan tugas-tugas adat berdasarkan logik mereka dan bukan seratus - peratus mengikut aturan dan tatacara adat. Mereka tidak dapat mempraktikkan dan menjalankan falsafah dan ideologi adat yang sebenarnya. Justeru itu ketulenan adat mula merosot.

Pada awal abad yang ke-20, penghijrahan penduduk Negeri Sembilan semakin meningkat. Mereka disosialisasikan dan didedahkan kepada pengaruh luar. Pembelajaran mereka tentang adat daripada generasi sebelumnya tidak selengkap seperti yang sepatutnya kerana generasi 'pengajar' juga tidak lengkap dengan ilmu adatnya. Dengan pengetahuan dan pengalaman adat yang tidak seberapa ini mereka didedahkan pula kepada elemen budaya lain hampir keseluruhan hidupnya.

Mulai pertengahan abad ke-20, khususnya selepas Malaysia merdeka orang yang berhijrah keluar Negeri Sembilan lagi bukan terhad kepada kaum lelaki. Gadis-gadis yang bakal menjadi ibu soko juga turut berhijrah. Generasi ini terdedah kepada kemajuan teknologi moden dan budaya adat. Kepada mereka, segala yang berkaitan dengan adat sudah ketinggalan zaman. Lantas, mereka juga tidak bersuku. Justeru itu, bilangan anggota sesuatu suku semakin merosot.



▪ Gambar Bandar Seremban.

# Adat Perpatih Hari Ini



Implikasi situasi ini adalah keseluruhan sistem Adat Perpatih semakin pupus. Kepupusan ini amat jelas kelihatan apabila anggota masyarakat adat melaksanakan adat istiadat. Pelaksanaan adat istiadat di kalangan 'masyarakat adat' Negeri Sembilan ini tidak lagi menggambarkan keunikannya. Banyak perkara yang melambangkan Adat Perpatih istiadat itu telah hilang. Adat istiadat di Negeri Sembilan hari ini sama seperti yang berlaku dengan tatacara adat istiadat di kalangan masyarakat Melayu di luar Negeri Sembilan.

Hari ini keseluruhan sistem Adat Perpatih telah diremaja oleh sistem Adat Melayu yang datang dari wilayah Adat Perpatih dan budaya barat. Berdasarkan amalan budaya masyarakat Melayu Adat Perpatih itu semakin menipis pengamal Adat Perpatih atau mungkin lebih tepat dikatakan lberkecenderungan untuk berbudaya Melayu ala barat.

# Budaya Adat Perpatih



## Budaya Adat Perpatih

Salah satu kategori Adat Perpatih adalah adat istiadat yang berfungsi untuk merealisasikan dan memanifestasi keseluruhan sistem Adat Perpatih. Melalui adat istiadat, falsafah ideologi dan keempat-empat kategori adat yang berfungsi budaya Adat Perpatih itu menjadi kenyataan.

### Adat istiadat dan sosial

Perhubungan baik sangka serta harmoni antara individu dan kelompok serta antara kelompok dengan kelompok sangat dituntut Adat Perpatih. Salah satu tujuan aturan kahwin eksogami adalah untuk mewujudkan satu ikatan di luar kelompok kekeluargaan. Dengan itu, hubungan kekeluargaan menjadi lebih luas. Berikutan itu, wujud keharmonian semulajadi di kalangan anggota masyarakat yang berlainan kelompok kekeluargaannya. Dengan adanya penyatuan sedemikian, maka masyarakat Adat Perpatih menjadi lebih kukuh kuat dan teguh.



Konflik selisih faham dan kecil hati adalah sifat semula jadi manusia. Dalam Adat Perpatih, apabila satu pihak mengadakan adat istiadat, kesemua bentuk hubungan negatif antara ahli kelompok kekeluargaan harus diketepikan. Keperluan adat ini dimaktubkan dalam perbilangan yang berikut:

Jauh dijemput.  
Dekat dikampungkan.  
Hilang dicari.  
Cicir dipungut.



Adat Perpatih memastikan semua anggota kelompok kekeluargaan harus hadir dalam sebarang bentuk adat istiadat. Segala konflik harus diketepikan demi kepentingan kelompok kekeluargaan. Untuk mencapai matlamat ini, adat mengatakan:

Kerja darah daging.  
Orang datang.  
Awak tidak.

Dengan terlaksananya prinsip ini, semua ahli kelompok kekeluargaan dapat bertemu dan bermesra. Kedatangan anggota bukanlah dengan tangan kosong tetapi membawa buah tangan yang berupa beras pulut, ternakan, nyior, dan sebagainya. Dengan adanya buah tangan ini, empunya majlis tidak perlu mengeluarkan belanja dan/atau berhutang untuk mengadakan adat istiadat tersebut.



# Kedatangan Perantau Sumatera



## Ideologi Adat Perpatih

Adat Perpatih sebagai gejala yang serba luas, lengkap dan merangkumi berfungsi sebagai suatu sistem ideologi kepada masyarakat. Untuk proses kesinambungan sistem Adat Perpatih itu, masyarakat harus memahami dan menerapkan dalam pemikiran dan diri mereka, ideologi asasi kewujudan adat itu seperti yang dinyatakan dalam perbilangan:

Hidup dikandung adat.  
Mati dikandung tanah.

Perbilangan ini menjelaskan bahawa seseorang yang hidup di dunia ini harus mengikut aturan alam sekitar, kepercayaan dan masyarakatnya.

Setiap pengamal Adat Perpatih harus mempercayai Adat Perpatih, khususnya kaedah-kaedah asasi dan sendi adat yang bersifat tidak lekang dek panas tidak lapuk dek hujan Kepercayaan terhadap kaedah-kaedah asasi dan sendi ini adalah hasil perkembangan peribadi sosial dan pemantapan kod budaya Adat Perpatih dalam diri setiap ahli masyarakatnya. Dengan tertanamnya serta mempercayai kebenaran gagasan ini dalam minda setia ahli masyarakat Adat Perpatih barulah adat atau kebudayaan diamalkan dan seterusnya identiti masyarakat dan Adat Perpatih dipastikan berterusan dan berkesinambungan.

Adat perpatih sebagai suatu kebudayaan yang berfungsi:

Adat menimbulkan yang baik.  
Menghilangkan yang buruk.





# Ideologi Adat Perpatih

Oleh sebab demikian fungsinya maka Adat Perpatih adalah pemandu kepada masyarakatnya untuk mencapai kestabilan dan keharmonian hidup. Matlamat ini dijelaskan dalam perbilangan yang berbunyi:

Bumi senang, padi menjadi,  
Padi kuning, jagung memupas  
Sanak berkembang biak,  
Anak buah senang sentiasa,  
Bapa kaya emak beremas,  
Ke tepi bergantung urai,  
Ke tepi ke tengah bergantung padi.

Inti pati yang hendak disampaikan perbilangan di atas melalui perlambangan dan metafora adalah keteguhan dan kemampuan ekonomi keluarga yang juga bermakna keteguhan ekonomi kelompok persanakan (suku). Untuk mencapai matlamat ini, Adat Perpatih meminta ahli masyarakatnya gigih berusaha seperti yang tersirat dalam frasa *bumi senang*. Frasa ini membawa erti kekayaan, kemewahan, keharmonian, keamanan, kedamaian dan kesenangan hidup.

Untuk mencapai matlamat ini, kita dapat membahagikan falsafah dan ideologi Adat Perpatih kepada empat aspek utama, iaitu:

1. Sosial
2. Ekonomi dan pengagihan sumber
3. Masyarakat korporat
4. Gabungan adat dan syarak

Gabungan keempat-empat elemen falsafah dan ideologi ini serta persepaduan kelima-lima kategori adat itu telah mewujudkan budaya Adat Perpatih.





# Kedatangan Perantau Sumatera



## Kedatangan Perantau Dari Sumatera

Pengkaji Adat Perpatih mengaitkan kewujudan sistem Adat Perpatih dengan pendatang atau perantau dari Sumatera. Perantau Sumatera ini tidak datang sekali gus. Mereka datang secara gelombang, ada yang kecil dan ada yang besar. Mereka datang melalui empat jalan utama, iaitu:

1. Dari Temasik
2. Melalui Sungai Linggi.
3. Melalui Sungai Muar dan Jalan Penarikan
4. Melalui Segenting Langkap.

### Dari Temasik

Temasik telah dibuka pada akhir abad ke-11 dan awal abad ke-12 oleh Sri Tri Buana dengan kebanyakan pengikutnya terdiri daripada keturunan Minangkabau di Palembang.

Mereka menggunakan Temasik dan juga Hujungmedini (Johor) sebagai pangkalan. Sebahagian orang Sumatera itu telah pula merantau dengan tujuan mencari bahan-bahan dagangan ke bahagian tengah Semenanjung, terutamanya di Sang Hyang Hujung (kawasan Tangjung Tuan dan kuala/muara Sungai Tinggi sekarang) iaitu jajahan takluk kerajaan Majapahit, dan di lembah Sungai Rembau dan Penajis sekarang dan Sungai Siput, Nanning.

### Melalui Sungai Linggi

Bermula pada sekitar abad ke-13 perantau Sumatera ini datang terus ke kawasan Negeri Sembilan melalui Sungai Linggi dan tidak lagi melalui Temasik.

Kesemua perantau adalah petani dan peniaga. Mereka bertanggungjawab memperkenalkan tanaman padi sawah ke kawasan tersebut.

### Melalui Sungai Muar dan Jalan Penarikan

Pada sekitar abad ke-15 dan awal abad ke-16, perantau dari Sumatera telah mendarat di Muar. Dari Muar, mereka mudik dan membuka negeri-negeri di Jempol, Gunung Pasir, Inas Johol, Terachi dan Ulu Muar serta Jelebu. Sebahagian daripada perantau ini yang melalui Jalan Penarikan terus ke Hulu Pahang melalui Sungai Teriang dan Sungai Bera.

### Melalui Segenting Langkap, Sungai Teriang dan Kelang

Perantau Sumatera datang ke Jelebu mengikut tiga laluan iaitu:-

- i) Melalui Sungai Muar dan mendarat di luak Ulu Muar (Kuala Pilah). Dari sana, mereka menyusur mengikut Genting Langkap hingga ke hulu Kelembang dan keluar di Ulu Sungai Lumut dan mengilir sungai sehingga ke Kuala Sungai Lumut iaitu Kampung Dulang sekarang.

Mengikut jalan Laut China dan memudiki Sungai Pahang, lalu menyusur Sungai Teriang. Mereka mendarat di Juntai dan



▪ *Peta pergerakan penghijrah zaman awal (Abad ke-7 hingga abad 15)*



Peta pergerakan penghijrah melalui Sungai Muar. Jalan Penarikan dan Segenting Langkap.

- ii) membuka Kampung Pasir panggil. Sebahagian daripada mereka telah berpindah pula ke Kuala Sungai Lumut. Di Kuala Sungai Lumut mereka bergabung dengan peneroka yang datang melalui Sungai Muar.
- iii) Mendarat di Kelang, memudiki Sungai Langat ke Gombak terus ke Hulu Langat. Melalui Broga ke hulu Sungai Teriang. Laluan ini masih digunakan sehingga awal abad ke-20.

# Kedatangan Perantau Sumatera



Adat Perpatih yang diamalkan masyarakat Melayu Negeri Sembilan dan Nanning di Melaka adalah gabungan sekurang-kurangnya tiga sistem kemasyarakatan iaitu sistem adat Minangkabau yang pula terdiri daripada tiga sistem iaitu Adat (Undang-Undang) nan Tigo, Adat Elok Baleh dan Adat Tuah Disakato adat tempatan Siak dan adat tempatan Negeri Sembilan (Adat Benar). Pembentukan sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan dapat digambarkan, seperti berikut:

## Sistem Adat Perpatih

Istilah adat di kalangan pengamal Adat Perpatih membawa pelbagai maksud. Antara yang utama adalah:

1. Peraturan hidup yang mantap dan kekal seperti kaedah bersaudara iaitu memberi penekanan kepada saudara mara daripada keturunan pihak ibu atau wanita.
2. Hukum atau undang-undang yang mempunyai kesan balasan dan denda. Dari segi ini Adat Perpatih merupakan perundangan yang ditadbirkan dan dilaksanakan pemegang jawatan tertentu seperti ketua adat – besar, buapak, lembaga, undang/penghulu dan Yang Dipertuan Besar.
3. Bayaran rasmi dalam satu perjanjian atau transaksi yang bersifat cukai seperti bayaran adat dalam perkahwinan atau bayaran perubatan tradisi yang disebut duit adat.
4. Upacara dan peraturan biasa dalam melakukan acara atau peristiwa adat ini sering disebut sebagai adat istiadat dan mempunyai kesan meluas sebagai satu kegiatan suci atau ritual.
5. Hukum alam atau sifat semula jadi seperti api adatnya membakar dan air adatnya membasahkan dan sebagainya.



# Kedatangan Perantau Sumatera



## Masyarakat Adat Perpatih

Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan Nanning dapat dikelompokkan kepada beberapa kelompok kekeluargaan yang diistilahkan sebagai suku. Setiap suku dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil yang dinamakan perut. Setiap perut dapat pula dibahagikan kepada beberapa kelompok ruang yang pula mengandungi beberapa rumpun.

Secara idealnya, masyarakat Adat Perpatih dapat dikelompokkan kepada dua belas suku. Sebelas daripadanya suku pendatang dan satu ialah suku orang asli tempatan. Jakun yang kini dikenali sebagai suku Biduanda.

Walaupun pada teorinya ada 12 suku, namun bilangan ini berubah dari satu luak ke luak yang lain. Misalnya, di luak Rembau jumlah sukunya ialah 27, Luak jelebu 12, Luak Gunung Pasir 7 dan Luak Nanning 19.

Suku adalah satu kelompok kekeluargaan besar. Anggotanya menganggap dan percaya mereka berasal daripada moyang perempuan yang sama, akan tetapi garis salasilahnya tidak dapat dipastikan dengan tepat dan jelas. Walau bagaimanapun, ahli-ahli sesuku menanggapi diri mereka sebagai adik-beradik. Justeru rasa kesatuan di kalangan mereka kuat dan teguh, setiap suku dipimpin oleh seorang lembaga yang mempunyai gelaran tertentu.

Keanggotaan dalam sesuatu suku berdasarkan kelahiran atau melalui upacara kodin dan kekal sepanjang hidup seseorang itu. Penentuan suku adalah mengikut ibu.

Upacara kodin adalah proses mengambil anak angkat. Upacara ini ada dua bentuk, iaitu kodin pinang sebatang atau kodin adat atau kodin selayar atap dan kodin aur serumpun atau kodin adat dan pusaka. Antara dua kategori ini, kodin adat dan pusaka adalah lebih tinggi tarafnya kerana mendapat keahlian penuh, berhak menyandang atau mewarisi pusaka. Kodin yang merupakan ahli biasa hanya layak untuk mengikut adat istiadat dan tidak berhak menyandang atau mewarisi pusaka. Dengan kata lain, orang kodin adat hanya menumpang bersaudara dalam suku Adat Perpatih.

Carta Struktur Masyarakat Adat Perpatih



# Masyarakat Adat Perpatih

Perut adalah pecahan suku. Hubungan kekeluargaan dalam perut lebih jelas jika dibandingkan dalam satu suku. Kerjasama di kalangan ahli seperut dalam ritual-ritual utama seperti majlis perkahwinan dan kematian adalah perlu. Ketua bagi perut ialah buapak yang mempunyai gelaran tertentu.

Ruang adalah pecahan perut. Di Nanning, kelompok kekeluargaan ini dipanggil jurai. Ruang selalunya merupakan kelompok kekeluargaan yang tergolong dalam keturunan satu nenek. Ketua kelompok ini dikenali sebagai besar atau tua dan mempunyai gelaran yang tersendiri.

Rumpun adalah kelompok kekeluargaan yang paling kecil. Selalunya kelompok kekeluargaan rumpun merupakan sebuah keluarga luas yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga generasi. Hubungan dalam ahli yang rapat sekali dan bersifat bersemukaan dalam kehidupan sehari-hari. Ketua rumpun dikenali sebagai kodin atau tua rumpun dan tidak membawa sebarang gelaran.



# Pengenalan



## Pengenalan

Adat Perpatih adalah sistem masyarakat yang diamalkan anak Melayu watan di Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Rembau, Seremban dan Tampin di Negeri Sembilan. Masyarakat Melayu daerah Port Dickson dan Kampung Bangkahulu di daerah kecil Gemas tidak mengamalkan Adat Perpatih. Di luar Negeri Sembilan, adat ini diamalkan masyarakat Melayu Naning di Melaka Utara. Masyarakat Melayu Kampung Lukut, Kota Tinggi, Johor dan masyarakat Kampung Sasapan Batu Rembau di Beranang, Selangor juga mengambil variasi adat ini.

Adat Perpatih menjuraikan ahli keturunan atau anggota masyarakatnya berdasarkan sistem nasab ibu. Masyarakat adapt Perpatih memberi penekanan dan pengiktirafan lebih dan utama kepada keturunan daripada pihak perempuan atau ibu, di samping mengakui keturunan daripada pihak lelaki atau ayah.



Petunjuk :

- Wilayah Adat Perpatih
- Variasi Adat Perpatih

- Peta Semenanjung Malaysia menunjukkan lokasi wilayah Adat Perpatih dan variasinya (Negeri Sembilan, Naning, Kg. Sasapan Baru Rembau & Kg. Lukut).

Daerah Pengamal Adat Papatih di Negeri Sembilan



Peta 3 : Wilayah Adat Perpatih Naning




- Peta Negeri Sembilan menunjukkan wilayah Adat Perpatih (daerah Seremban, Jekebu, Jempol, Kuala Pilah, Tampin & Rembau).



# Pengenalan

## Perbilangan Sebagai Tunjang Adat Perpatih

Adat Perpatih adalah sistem yang kompleks meliputi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat resam dan istiadat. Kemahiran-kemahiran serta tabiat-tabiat manusia yang lain sebagai ahli dalam masyarakat. Kekompleksan ini diunikkan lagi dengan perakaman dan pemuktuban keseluruhan perjalanan sistem itu dalam bentuk puisi yang dikenali sebagai perbilangan termasuk perlembagaan undang-undang (termasuk sivil, jenayah dan keluarga) atau adaa resam dan istiadat.



PETUNJUK



WILAYAH PENGGUNA PERBILANGAN

## Masyarakat Asal Negeri Sembilan

Menjelang akhir abad ke-12 hingga ke-13, Negeri Sembilan didiami orang asli suku Jakun. Kehadiran mereka ini selari dengan pandangan perbilangan jenis terasul yang berbunyi:

Gagak hitam gagak Senoi,  
Turun dari bukit berkaki empat.

Orang Jakun mengamalkan sistem sosial yang dikenali sebagai *Adat Benar*. Adat ini mempunyai ciri-ciri yang membuktikan bahawa dari ideology yang berasaskan sistem nasab ibu atau matrilineal.



# Proses Pembentukan Negeri-Negeri Adat Perpatih

## Proses Pembentukan Negeri-Negeri Adat Perpatih

Masa pembentukan kerajaan-kerajaan Adat Perpatih di Negeri Sembilan tidaklah sama. Pembentukan negeri dari kaca mata orang adat Negeri Sembilan harus melalui satu kaca mata metamorfosis. Proses ini mengikuti terasul berbunyi:

*Teratak mula dibuka.  
Sudah teratak menjadi dusun.  
Sudah dusun menjadi kampung.  
Sudah kampung menjadi kota.  
Sudah kota menjadi negeri.*

### Pembentukan Sistem Adat Papatih

Perantau yang datang ke Negeri Sembilan, khususnya pada zaman awal, tidaklah secara langsung dari Minangkabau. Mereka datang dari bahagian darat provinsi Riau kini, terutamanya dari Siak. Hal ini dijelaskan dalam perbilangan terasul:

*Beraja ke Johor.  
Bertali ke Siak.  
Bertuan ke Minangkabau.*

Orang Asli suku Jakun, dengan kedatangan penghijrahan ini telah terpecah kepada dua:

1. Kumpulan yang menerima kedatangan penghijrah telah tinggal berhampiran atau bersama mereka.
2. Orang Jakun yang tidak dapat menyesuaikan diri telah berundur ke dalam hutan.

Walaupun tidak ada pertentangan, tetapi perantau masih berasa perlu untuk menjalin hubungan berbaik-baik dengan anak watan. Dengan itu, atur cara tolak ansur (modus vivendi) telah dilaksanakan dalam pelbagai

### METAMORFOSIS PEMBANGUNAN KERAJAAN REMBAU

Proses metamorfosis mengikut perbilangan	Tarikh
Teratak mula dibuat	Abad ke 12
Sudah teratak menjadi kampung	Abad ke 13 (±1260)
Sudah kampung menjadi dusun	Abad ke 14 (1388)
Sudah dusun menjadi kota	Tahun 1520 an
Sudah kota menjadi negeri	Tahun 1540

bentuk. Antaranya:

1. Melalui perkahwinan dengan gadis tempatan.
2. Secara akomodasi melalui penerimaan serta pengakuan hak anak watan.
3. Memohon restu daripada golongan pemerintah yang berkuasa di wilayah berkenaan.

Selepas proses tolak ansur ini terlaksana, barulah perantau membuka tanah baru (dalam adat diistilahkan sebagai tanah tebus. Memulakan kegiatan ekonomi (bertani) dan membina dasar kehidupan mereka. Hari ini tanah yang ditebus oleh para penghijrah dikenali sebagai tanah pusaka adat atau tanah pusaka suku.

Dari segi latar belakang budaya dan pengalaman, walaupun sistem kemasyarakatan mempunyai persamaan, tetapi golongan perantau lebih maju berbanding dengan anak watan, orang Jakun. Keadaan ini jelas digambarkan dalam pelbagai perbilangan jenis terasul. Antara yang paling dikenali ialah:

*Gagak hitam gagak Senoi.  
Turun dari bukit berkaki empat:  
Banagu putih:  
Datang dari laut, berkepak sayap.*

Justeru itu maka golongan perantau berkemampuan menjadikan tradisi mereka sebagai dasar kepada sistem kemasyarakatan di tempat baru ini. Pembentukan sistem baru iaitu gabungan antara sistem kemasyarakatan perantau (dasar) dan anak watan mengambil masa tidak kurang dua abad. Gabungan antara dua sistem ini membentuk apa yang dikenali sebagai sistem Adat Perpatih

### PEMBENTUKAN SISTEM ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN





# Sistem Adat Perpatih

Adat Perpatih mengkonsepkan adat sebagai satu kaedah yang mengandungi kelima-lima lapisan makna di atas dan merangkumi semua bidang kehidupan. Adat ini wujud sebagai suatu pemberian terhadap sifat semula jadi atau tabii setiap benda fizikal (kamaniah) dan setiap gejala (fenomena) sosial yang mantap dalam kehidupan manusia berkelompok dan bermasyarakat. Sebagai fenomena atau gejala hidup, adat juga mengalami perubahan di samping asas utama dalam kelanjutan dan persambungan wujudnya masyarakat.

Dalam pengertian yang serba menyeluruh ini, terbit kaedah-kaedah (metodologi) atau prinsip-prinsip Adat Perpatih iaitu:-

- Adat nan sebenar adat
- Adat nan teradat
- Adat nan diadatkan
- Adat istiadat
- Adat resam.

